

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

27 Julai 2021 - Salt Lake City  
Surat Presidensi Umum

# Presidensi Utama Meneruskan Sesi Petang Hari Sabtu Persidangan Umum

**“Mengadakan sesi ini akan membolehkan pengajaran topik injil yang lebih banyak dan lebih ramai pemimpin umum berpeluang untuk berucap pada persidangan”**

*Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah menghantar [surat berikut](#) hari ini, 27 Julai 2021, kepada para pemimpin seiman di seluruh dunia.*

Saudara dan Saudari:

Asas-asas injil Yesus Kristus adalah berkat dari wahyu yang berterusan di mana Tuhan mengungkapkan kehendak-Nya, “memberikan baris demi baris, ajaran demi ajaran; di sini sedikit, dan di sana sedikit” ([Ajaran dan Perjanjian 128:21](#)). Tuhan mengarahkan pekerjaan-Nya mengikut keadaan dan keperluan yang berubah. Sebagai contoh, format dan jadual persidangan umum telah banyak kali berubah selama bertahun-tahun. Beberapa sesi persidangan umum ditujukan kepada golongan ahli atau pemimpin tertentu, seperti sesi kebajikan, sesi wanita, sesi imamat, dan sesi lain yang dirancang untuk berucap tentang topik-topik yang berkaitan dengan organisasi Gereja tertentu.

Pada Jun 2021, [kami mengumumkan perubahan](#) pada persidangan umum yang seterusnya, di mana sesi petang hari Sabtu tidak lagi diadakan. Keputusan ini diambil kira atas kemudahan teknologi yang membolehkan semua ahli dan rakan-rakan untuk menonton setiap sesi persidangan umum, termasuklah sesi Wanita dan sesi Imamat.

**Kami sedar cabaran meningkat yang para ahli Gereja di seluruh dunia hadapi. Cara penting untuk menangani cabaran-cabaran ini datang dari mendengar firman Tuhan (lihat [Alma 31:5](#)). Oleh itu, selepas kajian dan doa**

**tambahan, kami terilham untuk meneruskan sesi petang hari Sabtu persidangan umum, dengan sedikit berbeza dari yang lalu.**

Bermula pada [persidangan umum setengah tahunan Oktober](#), sesi petang hari Sabtu akan diteruskan. Semua ahli dan rakan Gereja dijemput untuk menonton sesi ini. Persidangan ini tidak mempunyai tema khusus, dan tidak hanya ditujukan kepada golongan atau kumpulan kepimpinan tertentu sahaja. Mengadakan sesi ini akan membolehkan pengajaran topik injil yang lebih banyak dan lebih ramai pemimpin umum berpeluang untuk berucap pada persidangan.

Kami bersyukur atas bimbingan Tuhan dalam perkara ini. Kami mengungkapkan kasih dan penghargaan yang mendalam kepada semua ahli gereja yang setia di seluruh dunia dan menanti-nantikan persidangan umum, waktu ketika Tuhan akan berucap melalui para hamba-Nya.

Yang Ikhlas,  
Presidensi Utama  
Russell M. Nelson  
Dallin H. Oaks  
Henry B. Eyring